



PROGRAM KANAK-KANAK: Kakitangan Berita Harian (*dari kiri*) Cik Irma Khairunnisa Kamarudin, Cik Ervina Mohamed Jamil, Cik Nur Fadhilah Salleh dan Encik Mohd Farid Mohamed Hamzah membuat persiapan untuk melancarkan program dwibahasa bagi kanak-kanak prasekolah. – Foto ADLI YASHIR KUCHIT

Acara semarak dwibahasa

► **ADLI YASHIR KUCHIT**
adli@sph.com.sg

PELBAGAI acara menarik termasuk peraduan kuiz dwibahasa dan sesi bercerita akan dianjurkan Berita Harian (BH) dalam tempoh 14 bulan mendatang untuk menggalak kedwibahasaan khususnya di kalangan kanak-kanak prasekolah setempat.

Selain peraduan kuiz dwibahasa dan sesi bercerita, terdapat juga acara yang menarik penyertaan ibu bapa.

Menerusi kegiatan seperti peraduan keluarga dan bengkel membaca, usaha ini juga diharap dapat memupuk minat membaca di kalangan penduduk setempat.

Kesemua itu merupakan sebahagian daripada program kemasyarakatan Berita Harian untuk menggalak kedwibahasaan.

Editor Malam Berita Harian, Encik Mohd Zulkifli Rahmat, berkata program sepanjang 14 bulan itu dilaksanakan dengan tajaan Dana Kedwibahasaan Lee Kuan Yew (LK YFB).

Dana tersebut ditubuhkan mantan Perdana Menteri, Encik Lee Kuan Yew, pada 2011 bagi menggalak murid sekolah menguasai bahasa ibunda dan bahasa Inggeris.

Pembelajaran bahasa Inggeris dan bahasa Ibunda membantu golongan muda terus terhubung kepada dunia global dan pada masa yang sama mengukuh jalinan kepada warisan Asia.

Pendedahan kedwibahasaan di peringkat awal adalah penting untuk menetapkan asas yang kukuh dalam pembelajaran bahasa.

Dana yang mempunyai sasaran mengumpulkan \$100 juta itu, akan digunakan untuk menyokong pelbagai program dwibahasa.

Encik Mohd Zulkifli yang menerajui usaha BH berkata program yang bakal dilaksana mengandungi dua komponen utama – penerbitan majalah bulanan dwibahasa dan penganjuran program pendekatan untuk kanak-kanak prasekolah, ibu bapa dan guru-guru.

“Menerusi acara seperti kuiz dwibahasa dan sesi bercerita kami juga berharap akan dapat mencungkil bakat dalam kalangan kanak-kanak prasekolah,” kata Encik Zulkifli.

Beliau menambah, menerusi bengkel ibu bapa yang bakal diadakan, peserta boleh mendapatkan panduan tentang cara memupuk minat dwibahasa dan membaca dalam kalangan anak mereka.

Sejak sekitar setahun lalu pasukan yang beliau ketua

telah berusaha untuk menerbitkan majalah dwibahasa dan merancang pelbagai acara pendekatan.

Sabtu ini, majalah dwibahasa yang diberi nama *Cilik Cerdik* atau *Smart Kids* dalam bahasa Inggeris, akan dilancarkan dalam satu majlis di Tampines West. Anggota Parlimen GRC Ang Mo Kio Dr Intan Azura Mokhtar dijadualkan hadir sebagai tetamu terhormat di majlis itu.

Majalah *Cilik Cerdik* akan diedarkan mulai bulan depan dan akan dikirimkan secara percuma kepada hampir 5,000 murid di lebih 180 prasekolah.

Antara prasekolah yang akan menerima majalah itu secara percuma ialah rangkaian prasekolah kendalian Yayasan Masyarakat PAP (PCF) dan beberapa tadika yang dikendalikan badan Melayu/Islam seperti Muhammadiyah dan Jamiyah.

Murid tadika kendalian masjid di sini juga akan menerima majalah tersebut.

Encik Mohd Zulkifli berkata pihaknya akan turut mengirim beberapa naskah secara percuma kepada badan bantu diri seperti Yayasan Mendaki dan perpustakaan awam di serata pulau.

Orang ramai yang mendaftarkan diri boleh mendapatkan senaskah majalah *Cilik Cerdik* di majlis perasmian yang akan berlangsung di pusat Learning Adventure PCF Tampines West, di Blok 140 Tampines Street 12, Sabtu ini mulai 10 pagi hingga 11 pagi.

Untuk mendapatkan majalah *Cilik Cerdik* yang pertama secara percuma, kirimkan nama dan nombor telefon menerusi e-mel kepada bhpromo@sph.com.sg.

DAPATKAN MAJALAH CILIK CERDIK

Sempena pelancaran majalah *Cilik Cerdik* lusa, sebanyak 200 naskah majalah itu akan diedarkan secara percuma kepada orang ramai. Mereka yang ingin mendapatkan senaskah majalah itu boleh mengirim e-mel dan sertakan nama dan nombor telefon kepada bhpromo@sph.com.sg untuk membuat tempahan. Dalam pada itu, 50 individu pertama yang mendaftar dan hadir untuk mendapatkan majalah *Cilik Cerdik* akan turut menerima cenderahati istimewa tajaan Berita Harian bernilai \$50. Bekalan adalah terhad dan yang dahulu akan didahulukan. Majalah dan cenderahati akan diedarkan di tarikh dan tempat berikut:

Tarikh: **Sabtu, 27 September 2014**
Alamat: **Learning Adventure PCF Tampines West, Blok 140 Tampines Street 12**
Masa: **10 pagi hingga 11 pagi**